

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

YKA 104/NKM 021 - Sejarah dan Undang-Undang Media

Masa: 3 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan.

1. Beri takrifan kepada 4 daripada konsep-konsep berikut dengan disertakan contoh:
 - (a) "Frankfurt School"
 - (b) Fungsionalisme
 - (c) Hegemoni
 - (d) Pemilikan dan Kawalan
 - (e) Penakrif Utama (Primary Definers)

(100 markah)

2. Apakah kesan penjajahan British terhadap masyarakat Tanah Melayu, khususnya dari segi ekonomi, sistem pendidikan, dan media massa? Jawapan anda perlu disokongi contoh-contoh relevan.

(100 markah)

3. Pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Akta Mesin Cetak & Penerbitan, lebih-lebih lagi yang dilakukan selepas "Operasi Lalang" pada tahun 1987, adalah semata-mata bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara. Bincangkan.

(100 markah)

4. Pindaan terhadap Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada tahun 1984 adalah bertujuan untuk memastikan perkembangan dunia perfileman di Malaysia berjalan dengan baiknya dan sejajar dengan kepentingan negara. Sejauh manakah kenyataan ini dapat dipertahankan?

(100 markah)

...2/-

5. Di dalam pilihanraya umum, media massa berhak membuat pilihan untuk memberi sokongan mana-mana parti politik yang disukai. Bincang kenyataan ini dengan merujuk kepada kedudukan media massa dalam pilihanraya umum pada tahun 1990 dan 1995 di negara kita.

(100 markah)

-oooOooo-